

**Rakyat Singapura Pilih Presiden Baru**  
**Bernama**  
**26 Ogos 2011**  
**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 26 Ogos (Bernama) -- Rakyat Singapura akan keluar mengundi Sabtu untuk memilih presiden baru di kalangan empat calon bergelar 'Tan' bagi menggantikan penyandang S.R. Nathan.

Nathan akan mengundurkan diri sebagai Ketua Negara apabila tamat tempoh presiden pada 31 Ogos ini selepas berkhidmat selama dua penggal.

Pemilihan presiden kali ini dianggap bersejarah kerana ini merupakan kali pertama pemilihan presiden membabitkan empat penjujur selepas Ong Teng Cheong menang pada pertandingan satu lawan satu pada 1993.

Empat calon presiden adalah terdiri daripada bekas timbalan perdana menteri Dr Tony Tan Keng Yam, bekas Anggota Parlimen, Dr Tan Cheng Bok, bekas ketua NTUC Income, sebuah pertubuhan koperasi insurans, Tan Kin Lian dan bekas pegawai kanan kerajaan, Tan Jee Say.

Selepas hari pencalonan bermula 17 Ogos lalu, akhirnya rakyat Singapura akan memilih presiden di kalangan empat calon Sabtu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=610705>